

SHR berjaya jual 35% The Vista

UM 25 JAN 2003

KUALA LUMPUR 24 Jan. — Pengusaha pusat perangan bertaraf dunia, Sutera Harbour Resort (SHR) telah berjaya menjual 35 peratus daripada 448 unit kondominium mewah 'The Vista' yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2005.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SHR, Datuk Edward Ong berkata, kebanyakan pembeli memilih skim opsyen pajak semula yang ditawarkan berbanding skim pembelian secara terus untuk diduduki.

"Dalam usaha menarik pelabur, 'The Vista' menawarkan Opsyen Pajak Semula yang memberikan para pelabur bijak pendapatan sewa tahunan tetap sebanyak sembilan peratus.

"Pelabur juga berpeluang menikmati ganjaran tunai bagi perkongsian jangka panjang dengan SHR yang berkesan meminimumkan pelaburan dan memaksimumkan pulangan kewangan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena

pelancaran Galeri Gaya Hidup Sutera Harbour yang terletak di Bangsar di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi SHR, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar dan Naib Presiden Kanan pembangunan Perniagaan dan Perolehan, Monica G. Gayondato.

Galeri itu akan menjadi ruang kepada SHR untuk memperkenalkan komponen kawasan kediamannya yang terdiri daripada kondominium mewah 'The Vista' dan 'The Point' serta banglo mewah 'The Heritage' kepada para pembeli berpotensi dari Semenanjung Malaysia.

The Vista yang kini giat dibangunkan ditawarkan pada harga RM886,334 ke atas.

Ong berkata, menerusi skim itu, para pelabur akan menikmati ganjaran tunai yang menyamai bayaran tunai yang dikeluarkan oleh mereka untuk membeli The Vista bagi setiap tempoh tujuh tahun, sebanyak tiga kali.

Ganjaran tunai ditanggungamin oleh Great East-

ern Life Assurance (Malaysia) Bhd.

Pada akhir tempoh pajak semula (selepas 21 tahun), unit The Vista yang beroperasi sepenuhnya itu akan diserahkan kepada para pelabur untuk diduduki.

"Para pelabur juga dapat menikmati penginapan dua minggu secara percuma di The Vista setiap tahun serta mendapat keahlian golf di Sutera Harbour Marina, Golf and Country Club bernilai RM80,000," katanya.

Katanya, The Point yang turut mengandungi sebanyak 440 buah kondominium mewah akan diperkenalkan kepada para pelabur sebelum akhir tahun ini.

The Heritage pula, yang meliputi sebanyak 150 lot banglo meliputi 12,000 hingga 29,000 kaki persegi memberikan para pemilik pilihan sama ada membina rumah berdasarkan reka bentuk sendiri atau memilih rangkaian reka bentuk yang disediakan.

Sementara itu, Monica berkata, dengan pembukaan

galeri itu, pihaknya kini ingin memberikan tumpuan kepada para pembeli dari Semenanjung selain warga Malaysia Timur serta para pelabur dari Jepun dan Korea.

"Bagi projek The Vista misalnya buat masa ini hanya dibeli oleh pembeli dari Sabah, Korea dan Jepun sahaja.

"Selepas Semenanjung, kami juga berhasrat memperkenalkan SHR kepada para pembeli dari Hong Kong dan Taiwan pula," katanya.

Buat masa ini, pihaknya sedang berunding dengan kira-kira 200 pelabur dari Korea dan Jepun yang mahu melabur menggunakan skim Opsyen Pajak Semula The Vista.

SHR merupakan projek pelancongan bernilai RM2.2 bilion meliputi kawasan seluas 153.6 hektar di tapak tepi laut utama di tengah-tengah Kota Kinabalu, Sabah dibuka oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 2000.